



### KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Tender : <b>MPK/JK 600-13/1/101 (2022)</b> <b>KERJA-KERJA MENAIKTARAF PERPARITAN DI LORONG SUTERA DAN MEMBINA KOLAM TADAHAN DI LORONG SONGKET, TAMAN MAZNAH, KLANG SELATAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA</b>

TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<b>BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G4</b> KATEGORI CE & PENGKHUSUSAN <b>CE21</b> & SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)	<b>MULAI : 2/11/2022 (RABU)</b> Penjualan secara Online  * Sila kemaskini maklumat syarikat dalam laman web <a href="https://tender.selangor.gov.my">https://tender.selangor.gov.my</a> untuk melancarkan proses pembelian dokumen.	<b>TARIKH TUTUP :</b> <b>23/11/2022 (RABU)</b> <b>JAM : 12.00 TENGAH HARI</b>  Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan  <b>Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.</b>

#### SYARAT-SYARAT :-

1. Setiap dokumen Tender dijual dengan harga **RM 250.00** secara online. Pembayaran boleh dibuat secara FPX, kredit kad dan debit kad.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **2 November 2022** di laman web <https://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan yang dipamerkan.
3. Petender perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <https://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Tender dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan **CIDB**. Sekiranya gagal berbuat demikian petender adalah tidak layak untuk membeli dokumen Tender tersebut.
4. Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera di maklumat Tender.
5. Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
6. Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender dan Syarat-syarat Membuat Tender di dalam Dokumen Tender sebelum mengemukakan Tender. Jika dokumen Tender yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
7. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
8. Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **22 November 2022**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut.
9. Sebarang pertanyaan berkaitan spesifikasi kerja dan lokasi tapak boleh menghubungi Pn. Idura binti Alias ditalian **03-3375 5555 (Jabatan Kejuruteraan)**.

Disediakan oleh :

**BAHAGIAN UKUR BAHAN**  
**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**